5.1.1	Tatabahasa	Memahami dan menggunakan kata nama dan kata ganti nama dengan betul mengikut konteks.

Pilih jawapan yang sesuai dalam kurungan dan tulis jawapan dalam kotak di hujung

1. Ana menutup (tingkap /bumbung) rumahnya kerana hujan lebat di luar sana. ____
2. Manisah menamakan anak kucing itu (Belang /Tompok) kerana bulunya yang bertompok-tompok ____
3. Hasrat Sultan Melaka untuk mengahwini (Puteri Gunung Tahan / Puteri Gunung Ledang) tidak kesampaian kerana gagal memenuhi syarat yang ditetapkan. ____
4. Puan Lathifah menyimpan (alat solek / alat tulis) dengan cermat selepas mengandam pengantin baharu itu. ____
5. Teater yang memaparkan kisah Tun Doktor Mahathir pernah dipersembahkan di (Istana Budaya / Istana Seri Menanti) ____
6. Beberapa spesies (haiwan / ikan) di Malaysia sedang mengalami. kepupusan kerana penerokaan hutan. ____
7. Pengawas perpustakaan itu menampal jadual bertugas pada (papan tulis / papan kenyataan) ____
8. Murid-murid itu sedang mengkaji sajak Kita Umpama Sehelai Daun dalam (antologi / novel) Kuingin berterima kasih. ____
9. Tuanku Abdul Rahman mengetuai rombongan ke (Paris / London) untuk menuntut kemerdekaan tanah melayu. ____
10. Yasmin begitu teruja melihat (kabus / salji) yang turun ketika melancong ke Jepun pada musim sejuk. ____

LIVEWORKSHEETS